

## KERAJAAN NEGERI TIDAK AKAN PATUH PEKELILING RUMAH MAMPU MILIK RM300,000.

**SHAH ALAM, 26 OGOS** – Kerajaan Negeri Selangor tidak akan patuh kepada pekeliing Kerajaan Persekutuan agar harga maksima rumah mampu milik yang dibenarkan adalah RM300,000.

Sebaliknya, Kerajaan Negeri akan meneruskan polisi Rumah Selangorku di mana harga maksima rumah mampu milik di Selangor adalah RM250,000 selain dari menetapkan harga minima RM42,000.

Perkara tersebut dimaklumkan oleh Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan

Kehidupan Bandar, YB Dato' Iskandar Abdul Samad di pejabat beliau di Shah Alam hari ini.

Menurut beliau, Kerajaan Negeri berpandangan RM300,000 adalah terlalu tinggi untuk dibeli oleh ramai golongan berpendapatan sederhana.

Polsi Rumah Selangorku yang berkuatkuasa pada tahun 2014 mewajibkan pemaju yang membangunkan projek perumahan melebihi 10 ekar atau 5 ekar bagi kawasan Lembah Kelang membina 30 hingga 40 peratus rumah mampu milik, Rumah Selangorku.

Harga jualan Rumah Selangorku adalah RM42,000 (Jenis A), RM100,000 (B), RM150,000 (C1), RM180,000 (C2), RM220,000 (D1) dan RM250,000 (D2).

